

Ringkasan Eksekutif

Tinjauan Penyelesaian Pertikaian Antarabangsa: Laporan Terakhir (“**Laporan**” ini) 2022 melaporkan hasil tinjauan SIDRA kedua yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021. Tinjauan tersebut telah dijalankan untuk mendalami pemahaman tentang pengalaman dan tahap kepuasan para pengguna mengenai penimbangtaraan perdagangan antarabangsa, pengantaraan perdagangan antarabangsa, litigasi perdagangan antarabangsa, penyelesaian pertikaian secara hibrid (di mana pihak-pihak telah setuju untuk mengguna pencampuran penimbangtaraan, pengantaraan atau litigasi) dan cara penyelesaian pertikaian di antara pelabur dan negara. Melalui tinjauan tersebut, SIDRA juga terus mengumpul data para pengguna tentang pengalaman dan tahap kepuasan mereka tentang penggunaan teknologi dalam proses penyelesaian pertikaian antarabangsa.

Laporan ini menyampaikan hasil tinjauan SIDRA, trend-trend yang sedang membangkit, dan perkara-perkara yang boleh diperbaiki. Ringkasan Laporan ini disediakan di bahagian seterusnya:

Pendapat responden tentang kepentingan memilih cara penyelesaian pertikaian yang sesuai, dan kepuasan mereka terhadap cara-cara tersebut (iaitu: penimbangtaraan, pengantaraan, dan litigasi)

- Kepantasan dan keadilan dalam tidak menyebelah sesuatu pihak adalah dua ciri yang terpenting mengikut pendapat para pengguna tentang penimbangtaraan, pengantaraan, dan litigasi.
- Lebih responden mendapati bahawa mereka puas tentang keantasan dan harga berkenaan dengan pengantaraan bila dibandingkan dengan penimbangtaraan dan litigasi.
- Lebih responden menganggap pemeliharaan hubungan perniagaan dan mengelak kesan yang tidak langsung kepada perniagaan pelanggan mereka sebagai perkara yang sangat penting, bila dibandingkan dengan penimbangtaraan dan litigasi.



Penimbangtaraan Perdagangan Antarabangsa

- Penguatkuasaan keputusan yang langsung, kesulitan, dan prosedur yang fleksibel masih merupakan ciri-ciri yang terpenting bagi kebanyakan responden dalam memilih penggunaan penimbangtaraan sebagai cara menyelesaikan pertikaian mereka.
- Kebanyakan responden kurang puas dengan pemeliharaan hubungan perniagaan, kesan yang tidak langsung kepada perniagaan pelanggan, dan harga berkenaan dengan penimbangtaraan.
- Ciri-ciri terpenting yang dipertimbang oleh para responden apabila memilih untuk melakukan penimbangtaraan dalam talian ialah sekatan pergerakan, harga yang lebih rendah, nilai pertikaian yang rendah dan pertikaian yang tidak mempunyai isu-isu yang kompleks.
- Kebanyakan responden memahami pembiayaan oleh pihak ketiga dalam penimbangtaraan, implikasinya, tetapi tidak menggunakannya. Ia tidak mengejutkan bahawa pengguna yang merupakan pelanggan biasanya tidak mempunyai pengalaman menggunakannya, apabila dibandingkan dengan peguam yang diupah.

Pengantaraan Perdagangan Antarabangsa

- Kebanyakan responden menyatakan pemeliharaan hubungan perniagaan, kesulitan dan kepantasan sebagai tiga ciri yang terpenting dalam keputusan mereka untuk memilih pengantaraan perdagangan antarabangsa untuk menyelesaikan pertikaian mereka.
- Kebanyakan responden mengatakan mereka puas dengan taraf etika, kemahiran bahasa dan pengalaman menyelesaikan pertikaian yang dimiliki pengantara yang dilantik oleh responden-responden tersebut.
- Kebanyakan responden menyatakan bahawa teknologi amat memanfaatkan untuk pengantaraan dalam talian. Suatu pencarian yang menarik ialah bahawa para responden yang merupakan pelanggan mendapati pelbagai alat-alat teknologi (seperti alat-alat yang digunakan untuk penemuan/usaha wajar secara elektronik, alat rundingan automatik dan alat analisis untuk pelantikan pengantara) lebih memanfaatkan bila dibandingkan dengan responden yang merupakan peguam diupah.
- Kebanyakan responden menyatakan bahawa perwakilan dalam golongan pengantara dari segi jantina, kewarganegaraan dan kaum adalah antara perkara-perkara yang boleh diperbaiki.



Litigasi Perdagangan Antarabangsa

- Kebanyakan responden menyatakan bahawa keputusan yang muktamad adalah ciri yang paling penting dalam mempengaruhi keputusan mereka untuk memilih litigasi perdagangan antarabangsa sebagai cara menyelesaikan pertikaian. Ciri-ciri lain yang penting termasuk keadilan dalam tidak menyebelahi sesuatu pihak, dan penguatkuasaan keputusan yang langsung.
- Kebanyakan responden puas dengan peraturan dan prosedur yang telus dan jelas, tahap keadilan yang tidak menyebelahi sesuatu pihak, dan tahap penguatkuasaan yang langsung. Namun, mereka kurang puas dengan beberapa perkara, termasuk prosedur yang tidak fleksibel, kesusahan dalam memelihara hubungan perniagaan, kurang fleksibel dalam memilih institusi, tempat dan hakim dalam litigasi perdagangan antarabangsa.
- Mahkamah tempatan lebih biasa digunakan berbanding dengan mahkamah perdagangan antarabangsa, seperti Mahkamah Perdagangan London ("**LCC**") dan Mahkamah Perdagangan Antarabangsa Singapura ("**SICC**").
- Kebanyakan responden menyatakan bahawa platform untuk menjalankan pembicaraan mahkamah dalam talian, penemuan/usaha wajar secara elektronik, dan sistem penyimpanan awan amat penting dalam litigasi perdagangan antarabangsa.

Penyelesaian Pertikaian Secara Hibrid

- Cara hibrid ada potensi untuk mengurangkan kelemahan atau kekurangan menurut persepsi para responden mengenai penimbangtaraan dan pengantaraan masing-masing.
- Kebanyakan responden menyatakan bahawa kewajipan yang telah ditetapkan dalam kontrak merupakan sebab utama mereka dalam memilih cara penyelesaian pertikaian secara hibrid.
- Bila pemeliharaan hubungan perniagaan antara sesiapa pihak, harga, dan kepantasan merupa ciri-ciri yang penting, kebanyakan responden memilih cara penyelesaian pertikaian secara hibrid daripada penimbangtaraan sahaja.
- Kebanyakan responden menyatakan pemeliharaan hubungan perniagaan dan prosedur yang agak fleksibel yang ditawarkan oleh cara penyelesaian pertikaian secara hibrid merupakan ciri-ciri yang penting dalam keputusan mereka untuk memilih cara penyelesaian pertikaian tersebut.



Penyelesaian Pertikaian di antara Pelabur dan Negara

- Penimbangtaraan antarabangsa terus menjadi cara penyelesaian pertikaian pilihan kebanyakan para responden dalam menyelesaikan pertikaian di antara pelabur dan negara, dan kebanyakan responden memilih antara penimbangtaraan berinstitusi ataupun secara *ad hoc*.
- Penguatkuasaan keputusan yang langsung dan pertimbangan tentang politik adalah perkara-perkara yang terpenting dalam memilih cara menyelesaikan pertikaian antara pelabur dan negara.
- Lebih banyak responden menggunakan pengantaraan berinstitusi untuk menyelesaikan pertikaian antara pelabur dan negara, dibandingi dengan litigasi perdagangan antarabangsa atau tempatan.
- Kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka cukup puas dengan kepantasan, kesulitan, kebolehan untuk memelihara hubungan perniagaan, keadilan dalam tidak menyebelahi sesuatu pihak dan menjaga pertimbangan politik yang ditawarkan oleh pengantaraan.

The Bahasa Melayu version of the Executive Summary of the SIDRA International Dispute Resolution Survey: 2022 Final Report has been provided by **Ariff Izzudin Bin Mohamad Ghazali**.

